

03/10/2000

BSLN dirasmi penuh dengan warna warni

Jamudin Idris

PERASMIAN Balai Seni Lukis Negara (BSLN) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam Khamis lalu dalam suasana penuh warna-warni, besar maknanya kerana ia melambangkan pengiktirafan kepada dunia seni tampak di Malaysia kerana jika tidak ada tindakan tegas kerajaan memutuskan BSLN harus berdiri di bangunan sendiri, Balai akan terus menjadi pengemis ketika melangkah pada alaf baru.

Ini kerana selama empat dekad, BSLN berkelana daripada bangunan bersejarah di Jalan Ampang ke bangunan Hotel Majestic. Sebagai tempat persinggahan, tentunya BSLN tidak mempunyai ruang yang cukup untuk menawarkan tempat kepada pelukis tanah air yang terus bertambah.

Ruang pameran dan pentadbiran di Dewan Tuanku Abdul Rahman, di Jalan Ampang hanya luasnya 1,500 meter persegi manakala Hotel Majestic pula luasnya kira-kira 7,000 meter persegi.

Kini BSLN boleh berbangga kerana bangunan barunya di Jalan Tun Abdul Razak luasnya lebih sekali ganda dari Hotel Majestic iaitu 15,686 meter persegi dan dilengkapi dengan lima galeri pameran, makmal seni, ruang penyimpanan khazanah seni lukis, auditorium, studio fotografi, kafeteria dan ruang kelab seni kanak-kanak.

BSLN dibina melalui rundingan di antara kerajaan dan syarikat pembinaan Yeoh Tiong Lay (YTL). YTL membina bangunan untuk menjadi bangunan kekal BSLN dan Hotel Majestic diserahkan kepada syarikat itu secara pajakan. Reka bentuk BSLN diasaskan kepada pembinaan Melayu. Keluasannya boleh menampung keperluan untuk kira-kira 10 tahun lagi.

Lahirnya bangunan tetap BSLN menandakan tercapainya impian yang terpendam di lubuk sanubari pencipta, pengkarya dan pencinta seni halus. Lahirnya cukup bermakna menjelang berakhir abad lalu dan perasmian dilakukan pada awal alaf baru. Ia sekali gus meletakkan harapan tinggi supaya BSLN terus berperanan mengukir nama negara dalam dunia seni tampak.

Perasmian bangunan baru itu dilakukan serentak dengan pameran Rupa Malaysia. Perdana Menteri turut memberi sentuhan perdana dengan membuat satu karikatur sebelum menerima sebuah lukisan mengenai kehijauan alam hasil karya Johan Marjonid.

Selepas itu dentuman bunga api dari puncak bangunan itu dan orang ramai dihiburkan dengan persembahan wayang kulit dan dikir barat. Perasmiannya bersejarah kerana dihadiri seniman pelbagai peringkat.

Sebenarnya jika kita membelek sejarah BSLN, ia melalui perjalanan panjang yang agak mengharukan. BSLN ditubuhkan pada 28 Ogos 1958 atas hasrat Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra. Sejak penubuhannya hingga 1963, ia ditadbirkan oleh suatu jawatankuasa kerja yang dilantik oleh kerajaan. Majlis Kesenian Malaysia yang ditubuhkan pada 1952 dibekalkan RM1,000 oleh kerajaan untuk membentuk jawatankuasa kerja BSLN.

Mubin Sheppard dilantik sebagai pengerusinya manakala ahlinya Mohd Ghazali Shafie, Kington Loo, RJE Price, WM Emslie, Yong Peng Seng dan Frank Sullivan. Jawatankuasa itu mentadbir BSLN selama 4 tahun lapan bulan. Selepas itu satu Lembaga Amanah BSLN ditubuhkan dan mesyuarat pertama diadakan pada 1963.

BSLN pertama terletak di No 109, Jalan Ampang. Dengan kawasan seluas 1,500 meter persegi ia menghimpunkan kegiatan pameran dan himpunan warisan. Sekiranya ada pameran yang baru ketika itu, ruang pameran perlu ditutup kepada awam bagi tujuan penyusunan pameran baru berkenaan. Pada

1984, Lembaga Amanah BSLN ditawarkan bangunan bekas Hotel Majestic dan mereka berpindah ke situ.

Bangunan Hotel Majestic, sungguhpun mempunyai kira-kira 7,000 meter persegi, ia mula menghadapi kerisauan pelukis kerana bangunan itu tidak mempunyai dewan yang luas bagi menampung satu pameran yang besar. Lagi pun, bangunan itu tidak ada kemudahan pengunjung, seperti tempat letak kereta dan makmal seni bagi membaiki karya warisan dalam koleksi negara.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata, dengan mengambil kira kekurangan dan kemudahan itu, kementerian dengan sokongan Perdana Menteri mula membuat perancangan bahawa BSLN memerlukan bangunan yang agak luas dan boleh menampung kegiatan semasa. Hasilnya dibina BSLN yang baru dan bangunan itu mula diduduki pada November 1998.

Pengerusi Lembaga Amanah BSLN, Tan Sri Kamarul Ariffin pula berkata, empat dasawarsa lamanya kita menunggu saat ini. Akhirnya, pengkarya dan pencinta seni halus Malaysia dapat memiliki sebuah gedung tersendiri bagi menempatkan khazanah seni ciptaan anak bangsa untuk diwariskan kepada generasi yang menyusul.

Katanya, jika 40 tahun dulu, kita tidak mempunyai seorang pun pelukis sepenuh masa. Pelukis ketika itu terpaksa menyara kehidupan dengan kerjaya lain seperti menjadi guru dan kerani. Kini ada lebih daripada 500 pelukis yang boleh hidup agak lumayan dengan hasil karya seni mereka.

Diawal kemerdekaan, tiada sebiji pun sekolah seni rupa, tetapi sekarang sudah banyak yang diuruskan oleh pihak awam dan swasta. Nampaknya permintaan pasaran untuk lulusan seni terutama wanita masih belum dapat dipenuhi terutama bila wujud peluang pekerjaan dalam bidang multimedia.

Pelukis Malaysia juga berkarya di luar negara dan ada yang menempa nama di arena seni antarabangsa sekiranya kita meneliti nilai karya mereka yang berada di pasaran lelong.

Galeri seni yang diusahakan kerajaan dan swasta turut bertambah menjadi bukti petanda baik bagi pencipta dan pengkarya seni Malaysia.

(END)